

560 petani kerugian RM1 juta

Minta kementerian dan Kada tangani segera masalah sistem saliran

ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU - Seramai 560 petani di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasab (PPK) Tanjung Puri, Salor di sini mengalami kerugian RM1 juta akibat kawasan bendang yang kering kontang memandangkan pam air di kawasan Kemubu, tidak dapat mengalirkan air mencukupi setelah pam di Pengkalan Kubor, Salor terpaksa dihentikan perkhidmatannya sejak 20 tahun lalu.

Ketua unitnya, Ramzi Abdullah berkata masalah berkenaan menyebabkan petani tidak dapat mengusahakan tanaman padi untuk musim pertama sejak Jun lalu, di kawasan seluas 1,723 hektar.

"Masalah ini berlaku akibat aliran air yang tidak dapat disalurkan dari pam Kemubu ke kawasan padi di sini memandangkan aktiviti korek



Sebahagian petani turut meninjau kawasan pam air dan padi yang ditanam kering kontang akibat aliran air tidak mencukupi.

pasir yang berleluasa sejak kebelakangan ini dan ia menimbulkan masalah besar kepada kami di sini.

"Sebelum ini kami tidak pernah menghadapi sebarang masalah, walaupun pam di kawasan kami di sini diberhentikan perkhidmatannya, namun akibat aktiviti korek pasi yang berleluasa sejak kebelakangan

ini pam di kawasan Kemubu itu juga tidak mampu menampung jumlah aliran untuk di salurkan ke bendang di kawasan ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Tanjung Puri, Ismail Mat turut mengadakan tinjauan di samping mengadakan perbincang-

an dengan petani berhubung masalah terbabit.

Ismail turut menggesa supaya Kementerian Industri dan Asas Tani (MOA) dan Lembaga Kemajuan Kemubu (Kada) segera menangani isu ini bagi membaik pulih pam di kawasan Salor berkenaan memandangkan ia boleh menampung masalah kekeringan

di kawasan bendang terbabit dan menyelesaikan perkara itu dengan sebaiknya.

"Jika perkara ini dapat diselesaikan, sekurang-kurangnya kerugian dapat dielakkan dan petani dapat menuai dan mendapat hasil memandangkan rata-rata penduduk di kawasan ini mengusahakan padi sebagai punca rezeki mereka

untuk menanggung keluarga," katanya.

Sementara itu, seorang lagi petani Abdul Fattah Yaakob, 68 berkata, pihak berwajib perlu proaktif memandangkan petani terpaksa menanggung beban hutang sewa mesin pembajak dan pelbagai lagi keperluan akibat kerugian berkenaan.

"Kewujudan pam Salor ini sudah lama sekitar tahun 1954 dan diberhentikan perkhidmatannya selepas adanya pam Kemubu sekitar tahun 60-an, tetapi pam Kemubu tak mampu salurkan air yang mencukupi di kawasan bendang yang kami usahakan.

"Jadi kami perlukan campur tangan kementerian dan Kada bagi menangani situasi ini memandangkan ia melibatkan kerugian dalam jumlah yang amat besar dan menyebabkan kami hilang punca pendapatan," katanya.